

bahagian) – (selepas ini dirujuk sebagai “Tanah Tersebut”) yang telah dihibahkan melalui Borang 14A oleh Plaintiff (datuk) kepada cucu iaitu Shahrul Bin XXX, (Sijil Lahir No Daftar BS 2XXXX). Pada 20 Jun 2010 Plaintiff (datuk) telah menghibahkan kepada cucunya keseluruhan “Tanah Tersebut” sebagai pemberian kasih sayang seorang datuk kepada cucunya. Oleh itu, suatu pindahmilik telah dibuat di Pejabat Tanah Kuala Terengganu yang mana Defendan (ibu kepada anak tersebut/menantu) telah dilantik menjadi penjaga amanah kepada cucu Plaintiff memandangkan cucu Plaintiff tersebut masih berada di bawah umur. *(Satu salinan surat penjaga amanah telah dilampirkan)*. Defendan adalah menantu kepada Plaintiff dan ibu serta penjaga amanah bagi Shahrul Bin XXX (cucu). “Tanah Tersebut” telah didaftarkan atas nama Defendan sebagai penjaga amanah bagi cucu Plaintiff itu sehingga kini.

Plaintiff mohon untuk menarik balik hibah tersebut kerana ingin menjual “Tanah Tersebut” kepada pihak ketiga dan telah mendapat persetujuan daripada Defendan berkenaan dengan hasrat Plaintiff ini. Plaintiff masih mempunyai tanah-tanah lain yang akan dihibahkan kelak kepada cucu Plaintiff ini.

Oleh yang demikian, Plaintiff dalam Penyata Tuntutannya, mohon kepada Mahkamah Yang Mulia supaya mengeluarkan perintah-perintah sebagaimana berikut :

- 1) Mensabitkan penarikan balik hibah oleh Plaintiff, AY (KP : 470506-11-5XXX) kepada cucu Plaintiff tersebut Shahrul Bin XXX, (Sijil Lahir No Daftar BS 2XXXX) berkait tanah berketerangan GM 10XXX, No Lot XXX, Alor XXX, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu.
- 2) Memerintahkan pemilikan Defendan, HH (KP: 770306-11-5XXX) sebagai penjaga amanah bagi Shahrul Bin XXX, (Sijil Lahir No Daftar BS 2XXXX) ke atas tanah yang berketerangan GM 10XXX, No Lot XXX, Alor XXX, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu dibatalkan.
- 3) Memerintahkan bahawa Defendan, HH (KP: 770306-11-5XXX) sebagai penjaga amanah bagi Shahrul Bin XXX, (Sijil Lahir No Daftar BS 2XXXX) hendaklah

memindahkan tanah yang berketerangan GM 10XXX, No Lot XXX, Alor XXX, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu kepada Plaintiff dalam masa 14 hari selepas perintah ini diberikan oleh Mahkamah.

- 4) Memerintahkan sekiranya di atas sebarang alasan Defendan gagal atau enggan menyempurnakan pindahmilik "Tanah Tersebut" kepada Plaintiff, maka Pentadbir Tanah Kuala Terengganu hendaklah mendaftar tanah tersebut kepada nama Plaintiff
- 5) Lain-lain perintah yang difikirkan sesuai.

Kes ini difailkan pada 11 Januari 2018. Pada sebutan kali pertama iaitu pada hari ini 29 Januari 2018 Plaintiff bersama peguam syarienya dari Tetuan Rafaei & Co telah hadir dan Defendan juga hadir dan tanpa diwakili oleh mana-mana peguam. Defendan telah bersetuju dengan tuntutan Plaintiff sebagaimana dalam Penyata Tuntutannya dan tiada apa-apa bantahan terhadap tuntutan tersebut. Seterusnya Peguam Plaintiff mohon kes ini direkodkan di hadapan hakim. Kes pada hari ini dipohon agar persetujuan bersama tersebut direkodkan oleh Mahkamah dan selepas disahkan oleh kedua-dua pihak termatanya, dipohon agar dijadikan sebagai perintah Mahkamah di dalam kes Tuntutan Penarikan Balik Hibah ini.

Sebelum Mahkamah boleh merekodkan sesuatu persetujuan atau perjanjian yang dibuat oleh pihak-pihak, Mahkamah perlu meneliti kepada fakta dan persoalan di dalam kes ini, dan adalah penting untuk menentukan bidang kuasa mahkamah dalam mendengar tuntutan ini.

[BIDANGKUASA MAHKAMAH] - mengikut Hukum Syara' dan Undang-undang

Mahkamah berpendapat isu utama dalam tuntutan yang dikemukakan oleh Plaintiff ini ialah untuk Mahkamah menentukan boleh atau tidak tuntutan penarikan balik hibah yang dibuat oleh Plaintiff (datuk) kepada cucu iaitu Shahrul Bin XXX yang mana

Defendan (ibu/menantu) telah dilantik menjadi penjaga amanah kepada cucu Plaintiff memandangkan cucu Plaintiff tersebut masih berada di bawah umur. Meneliti kepada apakah definisi yang dimaksudkan dengan perkataan *hibah* mengikut Hukum Syara', Mahkamah merujuk kepada kitab *I'anatul Talibin*, oleh Abu Bakar ibnu Muhammad Syatta al-Dimyati, juzuk ketiga, cetakan Darul Fikr, Beirut, Labenon, tahun 2002M/1422H, pada halaman 229 hingga 230, ada mendefinisikan pengertian *hibah* sebagaimana berikut ;

الهبة تملك عين يصح بيعها غالبا أو دين من أهل تبرع بلا عوض

Terjemahannya ; *"Hibah bererti memberi milik sesuatu barang yang mana mengikut kebiasaannya barang itu sah untuk dijual, atau diberi hutang, kepada seseorang oleh ahli tabarru' (orang yang suka membuat kebajikan) dengan tidak ada barang tukaran"*.

Seterusnya, Sayyid Sabiq di dalam kitabnya, *Fiqh al-Sunnah*, cetakan 1, halaman 532 secara epistemologi mentakrifkan hibah sebagai :

الهبة هي التبرع من جائز التصرف في حياته لغيره، بمال معلوم أو غيره، بلا عوض

Terjemahannya : *"Hibah ialah suatu sumbangan/pemberian oleh seseorang yang mempunyai keahlian mengurus terhadap hartanya, kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya, dengan harta yang dimaklumi atau selainnya tanpa sebarang balasan"*.

Di dalam penghakiman ini, Mahkamah cuba membuat rujukan kepada perkataan hibah secara literal. Perkataan ini tidak diperuntukkan di dalam undang-undang dan tidak ada di dalam tafsiran berkanun. Walaupun begitu, di dalam Kamus Dewan, Edisi Ketiga, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Edisi Keempat Tahun 2014, perkataan '*hibah*' atau '*hibbah*' diertikan sebagai "*pemberian hak (harta) secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan baik.*" Perkataan '*hibah*' atau '*hibbah*' yang diertikan sebagai, "*pemberian hak (harta) secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan baik*" itu mengikut undang-undang adalah sebagaimana yang diperuntukkan di dalam subseksyen 11 (3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 iaitu "*alang semasa hidup*".

Perkataan "*alang semasa hidup*" sebagaimana yang diperuntukkan di dalam undang-undang, juga tidak ada dalam tafsiran berkanun di dalam negeri ini. Namun begitu, di dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Edisi Keempat, 2014, makna perkataan "*alang*" antaranya diberi erti "*pemberian*". Mengikut pengertian ini bolehlah dikatakan bahawa "*alang semasa hidup*" mempunyai erti yang sama dengan perkataan "*pemberian semasa hidup*". "*Pemberian semasa hidup*" memberi maksud bahawa semasa seseorang itu masih hidup dia memberi atau menyerahkan sesuatu harta kepada seseorang lain, atau organisasi atau seumpamanya tanpa sebarang tukaran atau balasan".

Di dalam kes *Alias b. Ismail lwn Fatimah bt. Awang dan LAI*, JH (1410) H Jld. VII Bhg. I, 47, Shafei bin Abdul Rahman, Hakim Syarie, antara lain memberi penghakiman yang menjelaskan tentang ertikata '*pemberian hidup, alanghayat* atau *hibbah*' seperti berikut ;

Dalam hal ini, Saya suka menarik perhatian kepada seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Kelantan No. 3 tahun 1982 yang memberi takrif – Alanghayat ertinya : "*Pemberian percuma atau pindah milik harta oleh seseorang dalam masa hayat kepada sesiapa yang dikehendakinya* ". Dengan menyebut perkara "*percuma*" dalam takrif itu adalah jelas memberi erti yang dimaksudkan dan menunjukkan itulah yang dikatakan pemberian hidup, alang hayat atau hibbah.

Mengikut penghakiman kes yang disebut di atas, dapat disimpulkan bahawa maksud dan pemakaian perkataan *pemberian hidup, alang hayat, pemberian semasa hidup, alang semasa hidup* atau *hibah* adalah sinonim dengan maksud memberi milik sesuatu barang yang mana mengikut kebiasaannya barang itu sah untuk dijual, atau diberi hutang, kepada seseorang oleh ahli *tabarru'* dengan tidak ada sebarang barang tukaran. Oleh yang demikian, peruntukan di dalam subseksyen 11 (3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001,...*alang semasa hidup*...adalah selaras dengan pengertian hibah

mengikut Hukum Syara'. Oleh yang demikian, Saya berpuashati untuk mengendalikan kes tuntutan ini menurut peruntukan hibah dalam Hukum Syara'.

Dari segi hukum, hibah adalah suatu amalan yang sunat dan digalakkan dalam Islam terutama sekali kepada kaum keluarga terdekat. Asas pensyariatian *hibah* ialah nas dari al-Qur'an dan al-Sunnah di samping Ijmak, sebagaimana firman Allah S.W.T di dalam surah *al-Baqarah*, ayat 177 iaitu :

.... وءاتى المال على حبه ذوى القربى واليتيمى والمسكين وأبن السبيل والسائلين وفي الرقاب ...

Yang bermaksud : "... dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta dan (memerdekakan) hamba sahaya ...".

Ayat ini sebenarnya merangkumi pemberian kepada orang memerlukan dan yang tidak memerlukannya. Pemberian kepada orang memerlukan ialah sedekah manakala bagi orang yang tidak memerlukan ialah hibah sebagaimana dinyatakan di dalam penghakiman kes *Re Abdul Rahman bin Hj Ahmad & Ors* [2013] 1 SHLR 51. Berdasarkan kepada nas al-Qur'an di atas, jelaslah bahawa amalan hibah ini adalah suatu perkara yang dibenarkan oleh Hukum Syara' dengan rukun dan syarat-syaratnya yang tertentu.

Manakala dari al-Sunnah pula, terdapat sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh *al-Bukhari* sebagaimana berikut;

وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْبَلُ الْهَدِيَّةَ وَيُثَبُّ عَلَيْهَا.

Maksudnya : "Diriwayatkan dari Aishah r.h.a, adalah Nabi s.a.w menerima hadiah dan membalas hadiah".

Seterusnya dalil daripada Ijma' pula, semua Ulama' bersepakat mengatakan hibah disyariatkan dan tiada seorang pun yang mengingkarinya.

Dari aspek perundangan di Malaysia pula, tiada peruntukan khusus mengenai undang-undang hibah yang dikanunkan. Ini bermakna Dewan Perundangan Negeri dan Parlimen tidak pernah meluluskan statut khusus mengenai hibah orang Islam untuk dilaksanakan di Mahkamah-Mahkamah Syariah. Setakat yang ada hanyalah peruntukan yang menjelaskan tentang bidangkuasa Mahkamah Syariah mengenainya termasuk dalam Butiran 1, Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa :

“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan mewarisi harta berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat;.....”.

Sebelum Mahkamah meneruskan penghakiman ini, Mahkamah terlebih dahulu melihat kepada bidangkuasa Mahkamah untuk mendengar dan memutuskan kes ini. Tuntutan yang didengar ini adalah tuntutan tarik balik hibah dan ia adalah berkaitan langsung dengan hibah. Di dalam Enakmen Mahkamah Syariah Terengganu 2001 pula, bidangkuasa mengenai hibah, adalah diberi kepada Mahkamah Tinggi Syari’ah sebagai *bidangkuasa asal*.

Subseksyen 11 (3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

Mahkamah Tinggi Syar’iah hendaklah –

- (a) ...
- (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan –

- (iv) *alang semasa hidup*, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seorang orang Islam ;

Mengikut peruntukan undang-undang yang berjalan kuatkuasanya di dalam negeri ini pada masa sekarang, Saya berpuashati bahawa Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu adalah mempunyai bidangkuasa mendengar dan memutuskan tuntutan yang berada di hadapan Saya ini.

[**ALASAN PENGHAKIMAN**] - Mahkamah suka menyatakan latar belakang kes ini, yang mana tuntutan tarik balik hibah ini adalah ke atas sebidang tanah yang memakai keterangan GM 10XXX, No Lot XXX, Alor XXX, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu (1/2 bahagian) – (selepas ini dirujuk sebagai “Tanah Tersebut”) yang berlaku pada 20 Jun 2010 melalui borang 14A kepada cucu iaitu Shahrul Bin XXX yang mana Defendan (ibu/menantu) telah dilantik menjadi penjaga amanah kepada cucu Plaintiff memandangkan cucu Plaintiff tersebut masih berada di bawah umur.

Suka untuk Mahkamah nyatakan bahawa selepas hibah berlaku iaitu selepas tarikh 20 Jun 2010 tiada berlaku apa-apa perubahan material dan penambahan ke atas tanah tersebut berdasarkan keterangan Plaintiff dan Defendan kepada Mahkamah. Kemudian pada 11 Januari 2018 Plaintiff telah menfaikkan Tuntutan Penarikan Balik Hibah tersebut.

[**ISU UTAMA YANG MENJADI SOAL/PERLU DIPUTUSKAN**] - Di dalam kes ini, Mahkamah berpendapat ada *dua (2) isu utama* yang menjadi fakta persoalan yang perlu diputuskan iaitu ;

Pertama : *Sama ada wujud/berlaku hibah ke atas sebidang tanah yang memakai keterangan GM 10XXX, No Lot XXX, Alor XXX, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu (1/2 bahagian) yang dibuat pada 20 Jun 2010 melalui borang 14A kepada cucu iaitu Shahrul Bin XXX yang mana Defendan (ibu/menantu) telah*

dilantik menjadi penjaga amanah kepada cucu Plaintiff dan samada telah memenuhi syarat al-qabd?;

Kedua : *Jika hibah ke atas sebidang tanah tersebut oleh plaintiff adalah sah dan telah memenuhi syarat al-qabd, bolehkah hibah tersebut ditarik balik?*

{ ISU PERTAMA YANG MENJADI SOAL } - *Sama ada wujud/berlaku hibah ke atas sebidang tanah yang memakai keterangan GM 10XXX, No Lot XXX, Alor XXX, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu (1/2 bahagian) yang dibuat pada 20 Jun 2010 melalui borang 14A kepada cucu iaitu Shahrul Bin XXX yang mana Defendan (ibu/menantu) telah dilantik menjadi penjaga amanah kepada cucu Plaintiff dan samada telah memenuhi syarat al-qabd?*

Dalam kes tuntutan ini, Plaintiff dan Defendan tidak mempertikaikan dan menafikan tentang wujudnya hibah ke atas sebidang tanah yang memakai keterangan GM 10XXX, No Lot XXX, Alor XXX, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu (1/2 bahagian) yang berlaku pada 20 Jun 2010 melalui borang 14A kepada cucu iaitu Shahrul Bin XXX yang mana Defendan (ibu/menantu) telah dilantik menjadi penjaga amanah kepada cucu Plaintiff. Plaintiff juga dalam keterangannya kepada Mahkamah menyatakan bahawa Hibah sebidang tanah kepada cucunya itu dibuat kerana sebelum ini cucu-cucu Plaintiff semuanya adalah perempuan dan apabila dapat cucu lelaki iaitu Shahrul Bin XXX, Plaintiff rasa gembira sangat dan telah menghibahkan Tanah tersebut kepada cucu lelakinya itu. Justeru itu, Mahkamah berpuashati bahawa Plaintiff sendiri telah mengakui wujud dan berlakunya hibah itu dari pihak dirinya sendiri kepada cucunya itu, dengan pilihannya tanpa paksaan mana-mana pihak.

Dengan ini Mahkamah berpuas hati bahawa hibah tersebut telah memenuhi rukun-rukun hibah sebagaimana berikut :

- i) Pihak-pihak yang memberi hibah dan menerima hibah iaitu Plaintiff dan Cucu Plaintiff.

Defendan merupakan pemegang amanah (*telah dilampirkan surat lantikan penjaga amanah*) kepada penerima hibah (cucu). Defendan (ibu/menantu) telah membuat persetujuan menerima harta yang diserahkan oleh Plaintiff bagi pihak cucu Plaintiff (iaitu anaknya sendiri) dengan menandatangani penerimaan di dalam borang 14A. Justeru itu, tidak timbul isu berkenaan dengan kelayakan penerima hibah kerana Defendan ialah orang yang telah diberi kuasa pengawasan ke atas harta yang dihibahkan itu dari segi mengurus dan mentadbirnya bagi pihak penerima hibah (cucu) yang pada ketika itu belum cukup umur.

- ii) Sighah (ijab dan qabul) iaitu sighah secara bertulis melalui borang 14A
- iii) Barang yang dihibahkan iaitu sebidang tanah yang memakai keterangan GM 10XXX, No Lot XXX, Alor XXX, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu.

Di sini Mahkamah berpuas hati bahawa kesemua rukun-rukun hibah telah dipenuhi mengikut kehendak undang-undang dan hukum syarak, maka tidak perlu lagi untuk Mahkamah perincian satu persatu. Memandangkan kes ini adalah persetujuan antara pihak-pihak, maka tidak timbul pertikaian antara Plaintiff dan Defendan berhubung syarat *al-qabd* dalam hibah yang berlaku pada 20 Jun 2010 ke atas sebidang tanah yang memakai keterangan GM 10XXX, No Lot XXX, Alor XXX, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu kepada cucu Plaintiff yang mana Defendan (ibu/menantu) telah dilantik menjadi penjaga amanah kepada cucu Plaintiff tersebut melalui borang 14A tersebut.

Walaupun tiada pertikaian antara Plaintiff dan Defendan berhubung syarat *al-qabd* dalam hibah ini, namun suka untuk Mahkamah perincian berhubung elemen *al-qabd* ini. Dalam konsep hibah daripada definisinya dapat difahami bahawa memberi milik (*التمليك*) ialah kuasa untuk menguruskan harta yang dimiliki sepenuhnya dan kuasa tersebut terletak kepada penerima hibah. Manakala mengenai penerimaan (*qabul*) pula,

di dalam kitab *Rawdhah al-Talibin*, juzuk 4, halaman 438 yang menyatakan seperti berikut :

فرع: كيفية القبض في العقار والمنقول، كما سبق في البيع
قلت: فلو كان الموهوب مشاعا، فإن كان غير منقول، فقبضه بالتخلية

Terjemahannya :

“Cara qabad dalam hibah harta tak alih dan harta alih adalah sebagaimana cara qabad dalam jual beli. Aku (yakni Imam Nawawiy) berpendapat: Jika harta itu dimiliki secara bersama, iaitu jika harta tersebut adalah harta tak alih, maka qabad adalah dengan cara al-takhliyah”.

Manakala dalam kitab *al-Fiqh al-Manhaji*, pada jilid 3, halaman 16 ada menyatakan :

أما غير المنقول: كالدار والأرض قبضه بالتخلية وبين المشتري وتمكينه منه، وإزالة الموانع من تسلمه، وتسليم مفتاحه إن كان دارا ونحو ذلك

Terjemahannya :

“Adapun harta tak alih seperti rumah dan tanah, qabad boleh berlaku dengan cara al-takhliyah antara penjual dengan pembeli. Penjual menjadikan pembeli menguasainya. Penjual menghilangkan halangan-halangan dari penerimaan oleh pembeli. Penjual menyerahkan kunci jika harta tersebut adalah rumah dan seumpamanya”.

Maksud *al-takhliyah* ialah pengosongan, peninggalan atau pelepasan. Ia berasal daripada pemberi hibah yang melepaskan penguasaannya (ke atas barang hibah) kepada penerima hibah. Sekiranya penerima hibah ‘mengusahakan’ atau ‘mendiami’ sesuatu tanah tanpa qabad sama ada secara *al-takhliyah* atau cara yang lain, ia adalah tidak sah kerana ia termasuk mengambil dan menguasai harta yang dihibahkan tanpa izin daripada pemberi hibah, sebagaimana yang disebut dalam Kitab *Mughni al-Muhtaj*, Juzuk 2, pada halaman 516 iaitu :

ولا يملك موهوب إلا بقبض بإذن الواهب

Terjemahannya :

“Tidak memiliki harta yang dihibahkan melainkan dengan qabad dengan izin pemberi hibah”.

Di dalam kes *Salmiah binti Che Hat lwn Zakaria Bin Hashim (2001) JH* YA Hakim Tuan Haji Abdul Walid bin Abu Hassan Mahkamah Syariah Bukit Mertajam, Pulau Pinang menyatakan bahawa:

'Hukum Syara' juga menjelaskan lagi walaupun telah berlaku ijab dan qabul secara sah di dalam sesuatu hibah, pemilikan barang yang dihibah masih belum boleh dimiliki oleh penerima hibah kecuali barang itu diserahkan atau diambil atau dipegang oleh penerima hibah. Di dalam kes ini, barang tersebut iaitu tanah telah pun diguna dan diusahakan oleh Defendan dengan mendirikan sebuah rumah, seolah-olah dia telah menerima/mengambil/memegang tanah tersebut. Walau bagaimanapun, Hukum Syara' mensyaratkan bahawa pemegang/pengambilan barang yang dihibah hendaklah dengan izin pemberi hibah, seperti yang diutarakan di dalam kitab Mughni al-Muhtaj, Jilid 2, mukasurat 400 karangan Imam al-Syarbini al-Kitab, cetakan Darul Fikr, Mesir yang disebut:

"Tidak memiliki akan benda yang dihibah itu melainkan (قبض) dengan izin daripada yang memberinya atau wakilnya".

Juga seperti di dalam kitab *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*, mukasurat 126 seperti berikut:

"Dan tidak memiliki akan benda yang dihibah itu melainkan (قبض) dengan izin daripada yang memberinya atau wakilnya".

Dalam kes *Wan Mahmud bin Wan Abdul Rahman lwn Aminah binti Hj Taib (2004) JH*, Mahkamah Rayuan menyatakan berhubung dengan Qabad iaitu:

"Selain daripada alasan-alasan tersebut, satu perkara lagi yang sangat penting di sini bagi mengukuhkan hukumannya bahawa Responden selaku Yang Mendakwa dalam kes ini telah memerintah (qabad) dengan terus menduduki rumah di atas tanah tersebut selepas kematian suaminya tidak dihalang oleh Perayu-Perayu sehinggalah apabila kesnya sampai ke Mahkamah."

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa keperluan *al-qabd* dalam hibah adalah bertujuan untuk memastikan kesungguhan pemberi hibah menghibahkan barang yang dihibahkan kepada penerima hibah dan membuktikan kerelaan penerima hibah menerima hibah yang diberikan. Sehubungan dengan itu, Defendan sebagai penerima

hibah bagi pihak cucu Plaintiff yang belum cukup umur telah membuktikan bahawa elemen *al-qabd* ini iaitu wujud kesungguhan daripada Plaintiff menghibahkan sebidang tanah yang memakai keterangan GM 10XXX, No Lot XXX, Alor XXX, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu melalui borang 14A pada 20 Jun 2010 dan Defendan dengan rela menerima hibah tersebut.

Daripada persetujuan kedua-dua pihak, Mahkamah berpendapat bahawa penerimaan hibah oleh Defendan bagi pihak cucu Plaintiff telah memenuhi syarat dan elemen *al-qabd* sebagaimana pendapat jumah fuqaha' iaitu :

- i) Mendapat keizinan dan kebenaran pemberi hibah yang mana Defendan tidak pernah dihalang oleh Plaintiff untuk mentadbir tanah tersebut.
- ii) Harta yang dihibahkan tidak bercampur atau berkait dengan harta yang tidak dihibahkan. Plaintiff telah menghibahkan sebidang tanah kosong semata-mata yang memakai keterangan GM 10XXX, No Lot XXX, Alor XXX, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu yang membolehkan Defendan *bertasarruf* dengan harta yang dihibah tanpa ada sesuatu yang boleh menghalangnya.
- iii) Penerima hibah berkeahlian untuk menerima hibah iaitu menerima harta hibah. Dalam kes ini Defendan (ibu/menantu) telah dilantik sebagai pemegang amanah kepada cucu Plaintiff kerana cucu Plaintiff belum cukup umur dan juga menerima hibah bagi pihak anaknya itu. Maka isu keahlian tidak dipersoalkan di sini.

Oleh yang demikian, Mahkamah berpuas hati bahawa elemen *al-qabd* telah dipenuhi dalam penerimaan hibah ke atas sebidang tanah yang memakai keterangan GM 10XXX, No Lot XXX, Alor XXX, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu pada 20 Jun 2010 kerana pindah milik telah dibuat secara sah melalui borang 14A dan tiada bantahan daripada Plaintiff ketika itu dan **sekaligus Mahkamah berpuashati bahawa Hibah itu adalah Hibah yang sah mengikut Hukum Syara'.**

[ISU KEDUA YANG MENJADI SOAL] - *Jika hibah ke atas sebidang tanah tersebut adalah sah dan telah memenuhi syarat al-qabd, bolehkah hibah tersebut ditarik balik?*

Dalam isu *al-qabd*, sebagaimana yang telah diperincikan Mahkamah telah berpuas hati bahawa pemberian dan penerimaan hibah yang telah dibuat dan dilaksanakan oleh Plaintiff dan Defendan telah memenuhi syarat *al-qabd*. Seterusnya Mahkamah merujuk kepada fakta bahawa Plaintiff telah menfailkan Tuntutan Penarikan Balik Hibah tersebut iaitu hibah kepada cucu.

Dalam kes di hadapan saya ini, Plaintiff adalah merupakan datuk kandung kepada Shahrul Bin XXX (cucu Plaintiff), (Sijil Lahir No Daftar BS 2XXXX). Manakala Defendan (ibu/menantu) telah dilantik menjadi penjaga amanah kepada cucu Plaintiff memandangkan cucu Plaintiff tersebut masih berada di bawah umur. Plaintiff telah membuat permohonan untuk menarik balik pemberian hibah ke atas sebidang tanah yang memakai keterangan GM 10XXX, No Lot XXX, Alor XXX, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu daripada Defendan sebagaimana dalam tuntutannya. Alasan Plaintiff untuk menarik balik hibah itu kerana Plaintiff mempunyai hutang yang perlu dijelaskan, yang mana Plaintiff bercadang untuk menjual tanah tersebut bagi tujuan melangsaikan hutang-hutang Plaintiff dengan pihak-pihak tertentu.

Mahkamah dapati tiada pertikaian di antara pihak-pihak berhubung dengan tuntutan penarikan balik hibah ini malah, Defendan bersetuju dengan tuntutan Plaintiff. Walaupun begitu, persetujuan yang dibuat oleh Defendan berkenaan dengan penarikan balik tanah yang dihibahkan itu tidak boleh diterima sebagai iqrar persetujuan yang membolehkan Mahkamah membuat sesuatu keputusan, kerana Defendan hanyalah sebagai pemegang amanah kepada kanak-kanak yang masih di bawah umur itu, yang tidak boleh membuat sesuatu tindakan yang merugikan kanak-kanak itu dan juga tidak boleh membuat iqrar bagi pihak kanak-kanak itu mengikut Hukum Syara'. Justeru itu, Mahkamah hendaklah menghalusi segala fakta dalam kes ini bagi tujuan memastikan

dan mengesahkan adakah penarikan balik hibah boleh dibenarkan atau sebaliknya mengikut Hukum Syara’

Justeru itu, suka untuk Mahkamah perincikan berhubung isu penarikan balik hibah datuk kepada cucu mengikut Hukum Syara'. Asas keharusan atau dibenarkan penarikan balik hibah adalah dari Nas-Nas Al-Sunnah. Mahkamah merujuk perbincangan Ulama berkaitan dengan keharusan penarikan balik hibah sebagaimana di dalam Kitab '*Al-Fiqhul Islami wa Adillatuhu*', oleh Dr. Wahbah Al-Zuhaili, juzuk kelima cetakan keempat, 1425H/2004M, halaman 4010. Jumhur fuqaha mengharuskan penarikan balik hibah bersandarkan kepada sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas dan Ibn Umar :

عن ابن عمر وابن عباس رضي الله عنهم عن النبي صلى الله عليه وسلم قال لا يجلب للرجل أن يعطي عطية أو يهب هبة فيرجع فيها إلا الوالد فيما يعطي ولده ومثل الذي يعطي العطية ثم يرجع فيها كمثل الكلب يأكل فإذا شبع قاء ثم عاد في قيئه

Terjemahan :

"Diriwayatkan dari Ibnu Umar dan Ibnu Abbas r.a dari Nabi saw. telah bersabda "Tidak halal bagi seseorang yang memberi suatu pemberian atau menghibahkan suatu hibah menarik balik hibahnya kecuali hibah bapa kepada anaknya, dan diumpamakan orang yang menarik balik hibahnya seperti anjing yang makan apabila telah kenyang dia memuntahkannya kemudian dia kembali memakan muntahnya." (Al-Hakim 1990, 2:53)

Menurut Mazhab Shafi'i, Hanbali dan sebahagian Fuqaha Maliki berpendapat bahawa penarikan balik hibah boleh berlaku dengan semata-mata ijab dan qabul. Tetapi apabila disertakan dengan penyerahan dan penerimaan barang (al-qabd) maka hibah berkenaan tidak boleh ditarik balik kecuali hibah yang dibuat oleh bapa kepada anak-anaknya selama mana harta itu tidak ada kaitan dengan orang lain. *Tafsiran bapa ini termasuk ibu, datuk, nenek dan usul yang lain dan tafsiran ini adalah terpakai dalam kes ini iaitu merujuk kepada tarik balik hibah daripada datuk kepada cucu.* Menurut pendapat Imam Ahmad dan Mazhab Zahiri, pemberi hibah tidak boleh (haram) menarik balik

hibah yang telah dibuat kecuali hibah bapa (termasuk ibu, datuk, nenek dan usul yang lain) kepada anak-anaknya. Mereka berhujah berdasarkan sabda Rasulullah SAW :

العائد في هبته كالكلب يقىء ثم يعود في قيئه

Terjemahan : *"Orang yang menarik balik hibahnya seperti anjing yang muntah kemudian memakan muntahnya kembali."* (Bukhari & Muslim)

Di sini, suka Mahkamah membawa nas-nas feqh bahawa bapa diharuskan menarik balik hibah yang telah diberikan kepada anak dengan beberapa syarat tertentu sama ada tujuan penarikan balik tersebut untuk memberi kesamarataan dalam pemberian di kalangan anak-anak atau tanpa tujuan tersebut. Di antaranya dari Mazhab Syafi'ie di dalam kitab *Mughni al-Muhtaj* di dalam *Kitab al-Hibah* Jilid 3 muka surat 568 ada dinyatakan nas berikut:

(ولأب الرجوع) على التراخي (في هبة ولده) الشاملة للهدية والصدقة وكذا لبعضها كما فهم بالأولى من دون حكم حاكم (وكذا لسائر الأصول) من الجهتين ولو مع اختلاف الدين (على المشهور) سواء أقبضها الولد أم لا , غنيا كان أو فقيرا, صغيرا أو كبيرا, لخبر ((لا يحل لرجل أن يعطي عطية أو يهب هبة فيرجع فيها إلا الوالد فيما يعطي ولده)) و الثاني : لا رجوع لغير الأب مستدلا بالحديث المتقدم.

Terjemahan : *"Dan seorang bapa berhak/boleh menarik balik (walaupun secara terkemudian) hibah yang diberikan kepada anaknya yang merangkumi hadiah dan pemberian, begitu juga menarik balik sebahagian dari kedua perkara tersebut sebagaimana yang lebih utama difahami seperti itu, tanpa perlu kepada perintah dari seorang Hakim. Demikian juga berhak bagi kesemua Usul kedua-dua pihak (ibu dan bapa) walaupun berlainan agama mengikut pandangan yang masyhur, tidak kira samada anak itu telah melakukan qabad atau tidak, samada kaya atau miskin, samada kecil (kanak-kanak) atau besar (dewasa), kerana berdasarkan hadis Nabi saw " Tidak halal bagi seseorang yang memberi suatu pemberian atau menghibahkan suatu hibah menarik balik hibahnya kecuali hibah seorang bapa kepada anaknya". Dan pandangan yang kedua pula ialah selain dari bapa adalah tidak sah atau tidak boleh rujuk semula sesuatu pemberian/hibah juga dengan berdasarkan kepada hadis yang terdahulu itu juga".*

Namun menurut mazhab Shafi'i, sekiranya pemberian tersebut telah diberikan secara adil antara anak-anak dan tiada apa-apa keuzuran yang menyebabkan bapa menarik balik hibahnya seperti anak telah derhaka atau pemberian tersebut menyumbang kepada kemaksiatan yang dilakukan oleh anak, maka hukum bapa menarik balik hibahnya adalah makruh. Di dalam kitab *Mughni al-Muhtaj* di dalam *Kitab al-Hibah* Jilid 3 muka surat 568 yang sama ada dinyatakan nas berikut:

ويكره للوالد أن يرجع في هبته لأولاده ان عدل بينهم الا لمصلحة كأن يستعينوا بما أعطاه لهم على معصية وأصروا عليها بعد انذاره لهم بالرجوع فلا يكره, وهل يكره تخصيص العض بالرجوع من غير سبب كالهبة أو لا ؟ لأن الخبر ورد في الاعطاء وجهان حكاهما في البحر: أوجهها الكراهة.

Terjemahan :

"Dan makruh hukumnya seorang bapa menarik balik pemberian (hibah) yang diberikan kepada anak-anaknya sekiranya dia telah berbuat secara adil dalam pemberiannya itu melainkan wujud satu kemaslahatan, seperti anak-anaknya itu menggunakan perkara yang diberikan olehnya itu kepada perkara maksiat dan mereka masih terus melakukannya walaupun selepas diberi amaran oleh bapanya untuk menarik balik pemberiannya itu dan hukum menarik balik semula pemberian dalam keadaan itu adalah tidak makruh. Dan adakah makruh mengkhususkan sebahagian dalam penarikan balik seperti hibah/pemberian atau pun tidak? Ini kerana Nas Hadis tersebut adalah berkenaan dengan pemberian, dan terdapat dua pandangan sebagaimana diceritakan di dalam Kitab Al-Bahr. Dan pandangan yang Awjah ialah makruh hukumnya."

Menurut Mazhab Hanafi pula, Hukum pemberian (hibah) tidak semestinya mensabitkan hakmilik kepada penerima, kerana itu pemberi hibah boleh menarik balik atau membatalkan berdasarkan hadis Nabi saw ;

الواهب أحق بهبته ما لم يشب منها

Maksudnya; *"Pemberi masih berhak ke atas pemberiannya (boleh mengambil balik) selagi tidak mendapat imbalan daripada pemberiannya iaitu penggantian"*

Berdasarkan hadis itu, Nabi saw menjadikan pemberi hibah lebih berhak terhadap pemberiannya selagi beliau masih tidak menerima gantian atau imbalan dan ini adalah maksud sebenar nas. Oleh itu, hukumnya sah pemberi menarik balik pemberian jika

tidak menerima imbalan sekalipun majlis penerimaan telah selesai. Walaupun begitu terdapat beberapa tegahan-tegahan lain yang menghalang daripada dibuat penarikan balik pemberian. Namun begitu, makruh menarik balik kerana termasuk dalam bab tercela dan penerima pula dilarang dari berdegil untuk memulangkannya. Penarikan balik tidak sah selagi tidak ada kerelaan atau (arahan) ketentuan pihak Hakim, kerana menarik balik semula pemberian merupakan pembatalan selepas akad selesai. Ia sama dengan kes fasakh (pembatalan) dengan sebab berlaku keaiban selepas penerimaan. Penarikan balik pemberian secara kerelaan adalah dikira sebagai melepaskan hak.

Perselisihan fuqaha berkaitan hukum penarikan balik hibah ini adalah berhubung kait dengan pendapat fuqaha serta hujah mereka berkaitan dengan keperluan *al-qabd* dalam akad hibah. Golongan yang berpendapat bahawa hibah tidak berkuat kuasa tanpa *al-qabd*, mengharuskan penarikan balik hibah sebelum berlaku *al-qabd*. Sebaliknya golongan yang berpendapat bahawa *al-qabd* bukan syarat berkuat kuasanya hibah dan hibah berlaku hanya dengan akad, tidak mengharuskan penarikan balik hibah sebelum *al-qabd*.

Berdasarkan perbincangan Fuqaha di atas itu, secara umumnya Islam membenarkan penarikan balik hibah yang dibuat oleh bapa (termasuk juga ibu, datuk, nenek dan usul yang lain) kepada anak-anaknya. Namun begitu ia terikat dengan syarat bahawa harta tersebut masih lagi di dalam pemilikan anaknya (cucunya) dan juga setiap mazhab mempunyai beberapa lagi tambahan syarat atau perkara-perkara yang dianggap menghalang/menegah berlaku penarikan balik walaupun oleh bapa kepada anaknya. Justeru itu, di dalam kes ini Mahkamah perlu meneliti apakah terdapat syarat-syarat yang gagal dipenuhi atau apakah terdapat perkara-perkara yang menghalang/menegah dari berlaku penarikan balik mengikut Hukum Syara'.

Berkenaan dengan penarikan balik hibah oleh bapa kepada anaknya, Di dalam kitab *Kitab al-Mufasssol fi Ahkam al-Mar'ah Wa Bayt al-Muslim fi Shari'ah al-Islamiyyah*, karangan Abdul Karim Zaydan, Jilid 10, halaman 153 menyatakan sebagaimana berikut;

رجوع الوالد في عطيته لولده :

والراجح عندي جواز رجوع الوالد في هبته لولده, ولكن بشرط أن يكون قصده بالرجوع التسوية بين أولاده في عدم الإعطاء, لأن حديث النعمان بين بشير الذي أجاز فيه النبي (ص) الرجوع في عطيته أو أمره بهذا الرجوع, كان القصد منه تحقيق التسوية بين الأولاد في عدم الإعطاء وعدم تخصيص أحدهما بالعطية دون بقية الأولاد ما دام الأب لم يعط الباقين ما أعطى النعمان, فإذا انتفى هذا بقيت هبة الوالد لولده عادية فيشمئها قول النبي (ص) : "العائد في هبته كالعائد في قيئه" ولكن لما كان في تخصيص أحد أولاده بعطيته قد أتى مالا يجوز شرعا : أما باعتباره حراما, أو باعتباره مكروها, وأن الخلاص من هذا الحرام ومما يترتب عليه من عداوة بين الأولاد, فمن هذه الجهة يجوز له أن يرجع في عطيته لينجو من المحذور الذي وقع فيه,

Terjemahan :

Penarikan balik hibah oleh seorang bapa kepada anaknya.

"Dan yang Rajih pada sisiku ialah harus penarikan balik hibah seorang bapa kepada anaknya, dengan syarat maksud untuk penarikan balik itu adalah untuk menyamaratakan antara anak-anaknya yang tidak diberikan pemberian itu. Berdasarkan kepada Hadis berlaku ke atas Nu'man bin Basyir yang mana Nabi saw telah membenarkan atau mengarahkan bapanya menarik balik hibah kepada anaknya iaitu Nu'man, tujuan penarikan balik itu adalah untuk melaksanakan kesamarataan dalam pemberiannya di antara anak-anaknya, iaitu tidak diberi pemberian dan tidak dikhususkan pemberian kepada salah seorang sedangkan anak-anak yang lain tidak diberi iaitu selagi mana seorang bapa tidak memberikan kepada anak-anaknya yang lain sebagaimana yang telah dia berikan kepada Nu'man. Apabila maksud untuk kesamarataan itu sudah tidak ada, maka hukum menarik balik hibah yang dibuat oleh seorang bapa kepada anaknya kembali seperti asal/biasa sebagaimana yang terangkum dalam Hadis Nabi saw maksudnya "Seorang yang mengambil semula (menarik balik) pemberian yang diberinya seumpama seorang yang menjilat semula muntahnya". Akan tetapi, justeru perbuatan bapa mengkhususkan pemberian kepada salah seorang anaknya itu telah menmbawa kepada keadaan yang tidak dibenarkan menurut Hukum Syara' samada kerana diiktibarkan sebagai Haram atau pun diktibarkan sebagai makruh. Dan penyelesaian keluar dari Hukum Haram ialah apa yang membawa kepada permusuhan di antara anak-anak. Oleh itu, dari sudut ini adalah diharuskan/dibenarkan penarikan balik

pemberian seorang bapa (kepada anak-anaknya) dengan tujuan mengelakkan/menyelamatkan dari jatuh dalam perkara yang dilarang itu (permusuhan).

Seterusnya Mahkamah merujuk kepada syarat-syarat yang mengharuskan penarikan balik hibah mengikut pendapat fuqaha dan syarat-syarat tersebut adalah sebagaimana berikut :

- i. Harta yang dihibahkan masih menjadi milik anak yang menerima hibah. Sekiranya harta atau barang yang dihibah itu telah menjadi milik orang lain sama ada telah dijual, telah diwakafkan atau telah dihibahkan dan telah berlaku *qabd* maka bapa tidak harus menarik kembali hibahnya. Ia merupakan syarat yang ditetapkan oleh mazhab Maliki, Shafi'i dan Hanbali.
- ii. Harta atau barang yang dihibahkan masih berada di dalam jagaan atau urusan anak yang menerima hibah. Sekiranya anak telah menggadaikan barang yang dihibahkan oleh bapanya atau pun dia telah mufliis dan ditegah daripada menguruskan hartanya, maka bapa tidak boleh menarik balik hibah tersebut bagi menjaga kepentingan pemiutang atau orang yang memegang barang gadaian tersebut. Namun sekiranya barang yang dicagarkan tadi telah menjadi milik anak yang menerima hibah kerana telah diselesaikan hutangnya, maka bapa berhak menarik balik hibah tersebut. Ia merupakan pendapat mazhab Hanbali.
- iii. Hibah yang diberikan bukan menjadi sebab orang menyukai anak yang menerima hibah atau mendapat kedudukan dalam masyarakat. Sebagai contoh, disebabkan pemberian hibah seorang bapa kepada anaknya masyarakat sekeliling ingin bermuamalah, berhutang atau memberi hutang atau berkahwin dengan anak yang menerima hibah tersebut.
- iv. Tidak berlaku pertambahan yang tidak boleh diasingkan atau dipisahkan pada barang yang dihibah seperti lemak atau gemuk. Ia merupakan salah satu riwayat daripada Imam Ahmad yang tidak mengharuskan bapa menarik balik hibah daripada anaknya yang telah berlaku pertambahan yang tidak boleh diasingkan.

Menurut mazhab Maliki penambahan atau pengurangan yang berlaku ke atas barang yang dihibahkan kepada anak dihalang daripada ditarik balik oleh bapa.

- v. Tidak bertujuan untuk mendapat balasan atau ganjaran di akhirat atau untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dan kasih sayang antara mereka menurut pendapat mazhab Maliki.

Setelah meneliti kes tuntutan ini, Mahkamah berpendapat dan berpuas hati bahawa tuntutan tarik balik hibah oleh Plaintiff ke atas bahagian tanah yang memakai keterangan GM 10XXX, No Lot XXX, Alor XXX, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu daripada Defendan iaitu pemegang amanah kepada cucu Plaintiff adalah memenuhi syarat-syarat yang mengharuskan penarikan balik hibah sebagaimana yang telah Mahkamah perincikan antaranya Plaintiff adalah Datuk kandung kepada kanak-kanak itu, Tanah yang telah dihibahkan oleh Plaintiff adalah masih kekal sebagaimana asal semasa hibah dilakukan dan tidak dibuat sebarang perubahan ke atasnya, Tanah itu juga masih menjadi milik cucu/kanak-kanak itu yang mana ibunya/Defendan adalah pemegang amanah kepadanya. Mahkamah dapati wujud unsur ketidaksamarataan dalam hibah yang dibuat oleh Plaintiff kepada cucu kerana Plaintiff hanya membuat hibah sebidang tanah kepada cucu lelakinya sahaja dan tidak kepada cucu-cucu yang lain. Walaupun begitu, Mahkamah dapati tujuan Plaintiff untuk menarik balik hibah sebidang tanah itu bukanlah dengan tujuan untuk kesamarataan, tetapi untuk menjelaskan hutang-hutang Plaintiff dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Dengan ini, Mahkamah berpuashati dan memberi pertimbangan terhadap tuntutan Plaintiff bahawa Plaintiff boleh menarik balik hibah yang dibuat olehnya kepada cucunya itu mengikut Hukum Syara' dan Undang-Undang dan tuntutan ini dibenarkan. Justeru itu, Mahkamah SABIT bahawa hibah oleh Plaintiff, AY, KP : 470506-11-5XXX kepada cucunya, Shahrul Bin XXX, Sijil Lahir No Daftar BS 2XXXX berkaitan tanah berketerangan GM 10XXX, No Lot XXX, Alor XXX, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu adalah ditarik balik dan hibah itu adalah dibatalkan. Seterusnya

Mahkamah SABIT bahawa Tanah tersebut kembali menjadi milik Plaintiff semula berkuatkuasa dari tarikh perintah ini dibuat.

PERINTAH MAHKAMAH

1. **SAYA SABIT** Tuntutan Penarikan Balik Hibah yang dibuat oleh Plaintiff, AY, KP : 470506-11-5XXX terhadap Defendan, HH, KP : 770306-11-5XXX (disaman sebagai Penjaga Amanah bagi Shahrul Bin XXX, (Sijil Lahir No Daftar BS 2XXXX));
2. **SAYA SABIT** Plaintiff, AY, KP : 470506-11-5XXX telah menghibahkan sebidang tanah miliknya berketerangan GM 10XXX, No Lot XXX, Alor XXX, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu – ½ bahagian – kepada Shahrul Bin XXX, Sijil Lahir No Daftar BS 2XXXX (tarikh lahir 28/7/2006 – yang belum cukup umur) iaitu cucu kepada Plaintiff (anak lelaki kepada anak lelaki) pada 20 Jun 2010 ; dan **SAYA SABIT** hibah yang tersebut adalah memenuhi Hukum Syara' dan adalah sah mengikut hukum syara'.
3. **SAYA SABIT** bahawa Plaintiff, AY, KP : 470506-11-5XXX telah menarik balik hibah sebidang tanah kepada cucunya sebagaimana di para 2 di atas, dan **SAYA SABIT** penarikan balik oleh Plaintiff itu adalah dibenarkan oleh hukum syara' dan adalah sah mengikut hukum syara'.
4. **OLEH ITU, SAYA PERINTAH** bahawa hibah oleh Plaintiff, AY, KP : 470506-11-5XXX kepada cucunya tersebut, Shahrul Bin XXX, Sijil Lahir No Daftar BS 2XXXX berkait tanah berketerangan GM 10XXX, No Lot XXX, Alor XXX, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu itu adalah dibatalkan dan **SAYA SABIT**

bahawa tanah tersebut adalah kembali semula menjadi hak milik Plaintiff berkuatkuasa dari tarikh perintah ini.

5. **SAYA PERINTAH** bahawa pemilikan Defendan, HH, KP : 770306-11-5XXX sebagai Penjaga Amanah bagi Shahrul Bin XXX, Sijil Lahir No Daftar BS 2XXXX ke atas tanah berketerangan GM 10XXX, No Lot XXX, Alor XXX, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu adalah dibatalkan berkuatkuasa dari tarikh perintah ini.
6. **SAYA PERINTAH** bahawa Defendan, HH, KP : 770306-11-5XXX sebagai Penjaga Amanah bagi Shahrul Bin XXX, Sijil Lahir No Daftar BS 2XXXX hendaklah memindahmilik tanah berketerangan GM 10XXX, No Lot XXX, Alor XXX, Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu kepada Plaintiff dalam masa 14 hari selepas perintah ini dikeluarkan oleh Mahkamah.
7. **SAYA PERINTAH** sekiranya di atas sebarang alasan Defendan gagal untuk menandatangani borang pindahmilik tanah tersebut kepada Plaintiff dalam masa yang ditetapkan, maka Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu hendaklah menandatangani pindahmilik tanah tersebut kepada nama Plaintiff ; dan
8. **SAYA PERINTAH** kos ditanggung pihak masing-masing.

DIBERI DI BAWAH TANDATANGAN saya dan Meterai Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu, pada hari ini Isnin, 12 Jamadil Awal 1439 Hijrah bersamaan 29 Januari 2018.

METERAI

HAKIM